

**GP** 023/2020

**STANDARD OPERATING PROCEDURE  
(SOP) KAWASAN LAPANG & REKREASI**

GP 023/2020



Disediakan Oleh :  
**BAHAGIAN LANDSKAP  
JABATAN PERANCANG BANDAR & WILAYAH NEGERI SABAH  
KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN & PERUMAHAN SABAH**

© Hakcipta Terpelihara

Tidak dibenarkan mengeluarkan atau mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam apa jua bentuk samada secara elektronik, fotokopi, mekanik rakaman atau cara lain tanpa kebenaran daripada penerbit.

Diterbitkan oleh;  
Jabatan Perancang Bandar Dan Wilayah Negeri Sabah,  
Tingkat 3, 4, dan 5, Wisma Tun Fuad Stephens,  
KM.2.4, Jalan Tuaran,  
88646 Kota Kinabalu,  
Sabah, Malaysia.

Dicetak oleh:  
Jabatan Cetak Kerajaan Sabah,  
Km.4, Jalan Tuaran,  
Beg Berkunci 2004,  
88554 Kota Kinabalu, Sabah.



## **KATA-KATA ALUAN**

**Pengarah Jabatan Perancang Bandar Dan Wilayah Negeri Sabah  
(BERNADETTE C. EDMUND)**

### **Salam Sejahtera,**

Pandemik Covid-19 telah menjejaskan aktiviti riadah orang awam di kawasan kawasan lapang & rekreasi. Namun demikian, keperluan masyarakat untuk mengamalkan gaya hidup sihat merupakan asas kepada kehidupan bagi menjamin kesihatan manusia. Justeru itu, penyediaan rujukkan Garis Panduan *Standard Operating Procedure* (SOP) Kawasan Lapang & Rekreasi merupakan satu inisiatif kerajaan untuk membantu Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan agensi berkaitan yang bertanggungjawab dalam memantau pematuhan SOP di kawasan lapang & rekreasi.

Penyediaan Garis Panduan *Standard Operating Procedure* (SOP) Kawasan Lapang & Rekreasi dilihat amat penting bagi memastikan aspek kesihatan terjamin semasa beriadah serta peralatan yang digunakan selamat tanpa memberi risiko penularan wabak Covid-19 kepada orang awam. Selain itu, panduan ini sebagai langkah berjaga-jaga oleh PBT dalam melaksanakan pengurusan dan penyelenggaraan khususnya di kawasan lapang & rekreasi.

Adalah menjadi harapan kita supaya garis panduan ini dapat digunapakai oleh PBT bagi memastikan masyarakat hidup dalam persekitaran selamat, indah dan selesa serta mengurangkan risiko jangkitan kepada orang awam sekaligus membantu Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam menangani penularan wabak Covid-19.

Sekian.

<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>PENGENALAN</b>	1
<b>BAHAGIAN 1.0 : PENJARAKAN FIZIKAL</b>	2-6
1.1 Definisi Penjarakan fizikal	
1.2 Penjarakan Melalui Amalan Fizikal	
1.3 Penjarakan Melalui Peralatan Dan Kemudahan Rekreasi	
1.4 Etika Pengguna	
<b>GLOSARI</b>	7
<b>RUJUKAN</b>	8
<b>PENGHARGAAN</b>	9

## **PENGENALAN**

### **Tujuan**

Penyediaan Garis Panduan Standard Operating Procedure (SOP) Kawasan Lapang & Rekreasi ini amat penting sebagai panduan penggunaan kawasan riadah semasa pandemik Covid-19 untuk tujuan :

- a) Memastikan aspek kesihatan terjamin semasa beriadah serta peralatan yang digunakan selamat tanpa memberi risiko penularan wabak Covid-19 kepada orang awam.
- b) Sebagai rujukan langkah berjaga-jaga oleh pihak berkuasa tempatan PBT dalam melaksanakan kawalan pencegahan penyakit berjangkit.
- c) Rujukan penyelenggaraan oleh PBT dalam melaksanakan Operasi Sanitasi Awam bagi pencegahan wabak Covid-19.
- d) Garis panduan ini bertujuan untuk mengurangkan risiko jangkitan kepada orang awam sekaligus membantu Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam menangani penularan wabak Covid-19.

## BAHAGIAN 1.0


### PENJARAKAN FIZIKAL

#### 1.1 Definisi Penjarakan fizikal

Amalan memelihara jarak fizikal atau hubungan langsung dengan orang atau objek di tempat awam semasa wabak sesuatu penyakit berjangkit untuk meminimumkan pendedahan dan mengurangkan penularan jangkitan.

#### 1.2 Penjarakan Melalui Amalan Fizikal

- 1.2.1 Individu yang mempunyai suhu melebihi 37.5°Celsius dan bergejala seperti batuk, selsema, sakit tekak & susah bernafas adalah **DILARANG** berada di kawasan lapang dan rekreasi.
- 1.2.2 Mengamalkan penjarakan fizikal minimum 1-3 meter pada setiap masa ketika berada di kawasan lapang dan rekreasi.
- 1.2.3 Sentiasa memastikan kebersihan diri pada tahap maksimum iaitu membasuh tangan dengan sabun atau memakai *hand sanitizer* serta menjaga kebersihan di sekitar kawasan lapang dan rekreasi.



Gambar rajah 1: Amalan penjagaan jarak fizikal 1-3 meter.

- 1.2.4 Elakkan berjoging/berbasikal pada waktu kemuncak dan disarankan untuk berjoging secara individu bagi mengurangkan kesesakan.

#### 1.3 Penjarakan Fizikal Melalui Penggunaan Kemudahan Rekreasi

##### 1.3.1 Pondok Rehat

Sentiasa mengamalkan penjarakan fizikal ketika menggunakan pondok rehat dan elakkan menyentuh permukaan bagi kemudahan tersebut.

### 1.3.2 Kerusi Taman

Penggunaan kon trafik (*traffic cone*) atau pita penanda (*tape marking*) pada setiap kerusi taman di kawasan lapang dan rekreasi. Kerusi taman perlu ditanda pangkah dengan jarak 1-3 meter bagi mengalakkan penjarakan fizikal.

### 1.3.3 Peralatan Permainan Kanak-kanak dan Alatan Senaman

Penggunjung tidak digalakan menggunakan peralatan permainan kanak-kanak di semua taman permainan dan peralatan senaman (*outdoor fitness*) walaubagaimanapun sekiranya digunakan, pengunjung hendaklah memastikan penggunaan *hand sanitizer* sebelum dan selepas menggunakan alatan mainan tersebut.



Gambar rajah 2: Sentiasa mengamalkan kebersihan diri dan menggunakan hand sanitizer sebelum dan selepas bermain.

### 1.3.4 Gerai/Kiosk

1.3.4.1 Memastikan penggunaan kon trafik (*traffic cone*) atau pita penanda (*tape marking*) sebagai panduan pembeli.

1.3.4.2 Setiap pengunjung diwajibkan mendaftarkan diri menggunakan imbasan kod QR melalui Aplikasi *My Sejahtera* atau *SabahTrace* dan menjalani saringan suhu badan.

1.3.4.3 Pengambilan makanan secara sendiri oleh pelanggan adalah tidak dibenarkan.


1.3.4.4 Sebarang aktiviti yang tidak mematuhi penjarakan fizikal adalah tidak dibenarkan.




Gambar rajah 3: Sentiasa mengamalkan jarak fizikal yang selamat serta mendaftarkan nama melalui imbasan kod QR.

### 1.3.5 Tandas Awam

- 1.3.5.1 Penggunaan kon trafik (*traffic cone*) atau pita penanda (*tape marking*) pada pintu masuk tandas awam sebagai panduan pengguna.
- 1.3.5.2 Sentiasa mengamalkan penjarakan fizikal minimum 1 meter pada setiap masa ketika menggunakan kemudahan tersebut.
- 1.3.5.3 Pihak berkuasa hendaklah melakukan sanitasi dan pembersihan perlu dilaksanakan sekurang-kurangnya tiga (3) kali sehari.



Gambar rajah 4: Amalan penjagaan jarak sosial 1.0m




Gambar rajah 5: Amalan penjagaan jarak sosial 1.0m



### 1.3.6 Papan Tanda Notis

- 1.3.6.1 Memaparkan arahan penggunaan taman awam dan rekreasi seperti notis PENJARAKAN fizikal, aktiviti yang tidak dibenarkan serta amaran penggunaan peralatan dan kemudahan di taman awam dan rekreasi.
- 1.3.6.2 Tatacara atau peraturan berkaitan pencegahan penularan COVID-19 disediakan selari dengan arahan Kerajaan dari semasa ke semasa.



Gambar rajah 6: Amalan penjarakan fizikal di taman awam dan rekreasi.

## 1.4 Etika Pengguna

- 1.4.1 Masuk dan keluar di laluan yang dibenarkan. Bagi taman awam dan rekreasi yang tidak berpagar, kawalan seperti Penggunaan kon trafik (*traffic cone*) atau pita penanda (*tape marking*) keselamatan, serta papan tanda peringatan perlu diletakkan di sekeliling taman awam dan rekreasi bagi mengawal pengunjung.
- 1.4.2 Pengguna kanak-kanak dibawah umur 12 tahun, OKU dan warga emas adalah tidak digalakkan mengunjungi Taman Awam dan rekreasi.
- 1.4.3 Memastikan pengunjung adalah dalam keadaan sihat dan tidak mempunyai gejala covid-19 (gejala batuk, selesema, sakit tekak & susah bernafas) serta bukan dalam golongan yang berisiko tinggi terkena jangkitan.
- 1.4.4 Melaksanakan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 -3m antara individu semasa berada di taman awam dan rekreasi.
- 1.4.5 Memastikan pengunjung mendaftar melalui aplikasi *My Sejahtera* atau *SabahTrace* sebelum mengunjungi taman awam dan rekreasi.
- 1.4.6 Sebarang bentuk aktiviti kumpulan dan tidak mengamalkan 3S (Sesak, Sempit dan Sembang dengan jarak yang dekat) adalah tidak dibenarkan.
- 1.4.7 Mempraktikkan amalan tidak bersalaman dan tidak bersentuhan tangan dan fizikal dengan sengaja.
- 1.4.8 Memastikan pemakaian pelitup muka oleh pengunjung dan petugas sepanjang masa. Manakala bagi pengunjung yang menjalankan aktiviti senaman (aktif), pemakaian pelitup muka adalah diwajibkan sebelum dan selepas aktiviti riadah dijalankan.

- 1.4.9 Pengunjung hendaklah sentiasa mengamalkan kebersihan diri termasuklah mencuci tangan menggunakan *hand sanitizer* dan dilarang meludah merata-rata.
- 1.4.10 Memastikan pengunjung sentiasa mengamalkan kebersihan apabila menggunakan kemudahan awam seperti tandas awam, pondok rehat, kerusi taman serta elakkan menyentuh permukaan kemudahan tersebut.
- 1.4.11 Pengunjung disaran meninggalkan taman awam dan rekreasi secepat mungkin apabila selesai menjalankan aktiviti riadah bagi mengurangkan interaksi sosial sebelum, semasa dan selepas aktiviti rekreasi dilakukan.
- 1.4.12 Mematuhi prosedur dan arahan yang ditetapkan dalam taman awam dan rekreasi sepanjang masa.
- 1.4.13 Semua aktiviti riadah adalah tertakluk kepada arahan terkini Majlis Keselamatan Negara (MKN) terutama bagi aktiviti yang melibatkan perkumpulan yang ramai.

**GLOSARI**

Aktiviti aktif	Jenis rekreasi aktif adalah seperti berjoging, <i>brisk walk</i> , bermain bola, berbasikal dan lain-lain. Tanah lapang yang menyediakan kemudahan untuk aktiviti yang aktif adalah seperti gelanggang sukan, trek jogging, padang permainan kanak-kanak.
Aktiviti pasif	Jenis aktiviti rekreasi pasif adalah seperti berjalan, bersiar, duduk berehat menikmati keindahan alam, berkelah dan lain-lain. Taman awam yang menyediakan kemudahan untuk aktiviti pasif adalah seperti taman, laluan pejalan kaki, pondok rehat dan tempat peranginan. Aktiviti pasif ini melibatkan semua peringkat umur golongan tua dan orang kurang upaya.
Alat senaman	Alatan latihan senaman atau <i>Exercise Machine</i> merujuk kepada peralatan yang diguna pakai dalam melakukan senaman atau latihan fizikal.
Covid-19	Virus yang boleh menyebabkan jangkitan saluran pernafasan. Terdapat beberapa jenis coronavirus seperti <i>severe acute respiratory syndrome coronavirus (SARS)</i> dan <i>Middle East Respiratory syndrome-related coronavirus (MER-CoV)</i> . <i>Coronavirus</i> terbaru yang ditemui di China adalah Coronavirus 2019 (COVID-19).
Golongan berisiko tinggi	Golongan yang mempunyai daya tahan rendah dan senang dijangkiti iaitu melibatkan isu imuniti biasanya terdiri daripada kanak-kanak, warga tua dan wanita mengandung.
<i>Hand sanitizer</i>	Cecair pembasmi kuman
Kod QR	Kod QR ( <i>QR code: Quick Response code</i> ) ianya merupakan generasi kedua kod bar dimana simbol perwakilan dua dimensi yang telah diperkenalkan oleh sebuah syarikat inovasi dari Jepun.
OKU	Orang Kurang Upaya.
SOP	SOP atau <i>Standard Operating Procedure</i> adalah peraturan atau prosedur bertulis yang berkaitan dengan pelaksanaan tugas di suatu organisasi atau sesebuah kawasan. Ianya bersifat standard atau harus dipatuhi oleh organisasi atau orang awam.
Sanitasi	Disinfeksi adalah proses membasmi kuman daripada permukaan yang berpotensi tercemar.
Taman Awam	Taman Awam merupakan satu kawasan taman yang direka bentuk untuk memberi kemudahan rekreasi kepada semua golongan masyarakat.

**RUJUKAN :**

1. Kementerian Kesihatan Malaysia. Kemaskini 6 Ogos 2020. *SOP Pembukaan Semula Ekonomi peraturan-peraturan pencegahan dan pengawalan penyakit berjangkit.* (2020).
2. Jabatan Landskap (Mei 2020). *Garis Panduan Taman-Taman Awam.* Dewan Bandaraya Kota Kinabalu.
3. Jabatan Landskap (2020). *Garis Panduan Pembukaan Operasi Taman Awam & Rekreasi.* Majlis Bandaraya Johor Bahru.
4. Majlis Keselamatan Negara Negeri Sabah.
5. Jabatan Landskap Negara. *Garis Panduan Penggunaan Taman Rekreasi Awam dan Kawasan Lapang.* Jabatan Landskap Negara.

## **PENGHARGAAN**



### **URUS SETIA**

**Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Negeri Sabah**  
Bahagian Landskap  
Bahagian Kawalan Pembangunan  
Bahagian Perancangan Fizikal  
Bahagian Penyelidikan & Korporat  
Unit Pembangunan Sumber Manusia (Latihan & Dasar)  
Unit Keurusetiaan Lembaga Pusat Perancang Bandar & Desa

### **AHLI JAWATANKUASA TEKNIKAL**

#### **Kementerian**

Kementerian Belia dan Sukan Sabah (KKBS)  
Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar (KePKAS)  
Kementerian pelancongan, Kebudayaan Malaysia (Motac)

#### **Pihak Berkuasa Tempatan**

Dewan Bandaraya Kota Kinabalu  
Majlis Perbandaran Sandakan  
Majlis Perbandaran Tawau  
Lembaga Bandaran Kudat  
Majlis Daerah Penampang  
Majlis Daerah Putatan  
Majlis Daerah Papar  
Majlis Daerah Beaufort  
Majlis Daerah Kota Marudu  
Majlis Daerah Pitas  
Majlis Daerah Kota Belud  
Majlis Daerah Tuaran  
Majlis Daerah Lahad Datu  
Majlis Daerah Kinabatangan  
Majlis Daerah Tambunan  
Majlis Daerah Ranau  
Majlis Daerah Keningau  
Majlis Daerah Kuala Penyu  
Majlis Daerah Kunak  
Majlis Daerah Sipitang  
Majlis Daerah Tenom  
Majlis Daerah Beluran  
Majlis Daerah Nabawan  
Majlis Daerah Semporna  
Majlis Daerah Tongod  
Majlis Daerah Telupid

#### **Badan Bukan Kerajaan**

Institut Arkitek Landskap Malaysia (ILAM)



Alamat Perhubungan:

Bahagian Landskap,  
Jabatan Perancang Bandar Dan Wilayah Negeri Sabah  
Tingkat 10 & 11, Blok A, Wisma Tun Fuad Stephens, 88646 Kota Kinabalu, Sabah .  
Tel : 088-201 334 / 088-201 374 / 088-201 384  
Faks : 088-201 341

